

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 11 TAHUN 2021**

Tarikh : 27 Oktober 2021 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi – 11.25 pagi

Tempat : *Hybrid*
Bilik Mesyuarat Kenanga dan
Secara Dalam Talian
(Aplikasi Zoom *Meeting*)

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Majlis Bandaraya Subang Jaya.

2.0 TAYANGAN AKTIVITI BULAN OKTOBER 2021

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Oktober 2021.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang ke sebelas bagi tahun 2021 yang dilaksanakan secara *hybrid* iaitu bersemuka dan secara dalam talian. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Semua ahli mesyuarat secara dalam talian diminta untuk mengaktifkan video dan memaparkan wajah sebenar sepanjang mesyuarat berlangsung bagi memastikan keberadaan semasa mesyuarat. Ahli mesyuarat juga perlu memastikan mikrofon dimatikan agar tidak mengganggu sesi mesyuarat. Sekiranya ahli mesyuarat ingin menyuarakan pendapat, maka mikrofon boleh dihidupkan untuk tujuan tersebut.
- ii) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.

- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iv) Datuk Bandar memaklumkan berkenaan pengoperasian MBSJ dalam Pelan Pemulihan Negara. Merujuk kepada kenyataan media oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Oktober 2021 menyatakan Negeri Selangor telah beralih daripada Fasa 3 kepada Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara berkuat kuasa mulai 18 Oktober 2021.

Sehubungan dengan itu, MBSJ telah menetapkan kehadiran semua pegawai dan kakitangan Majlis adalah 100% sepenuhnya di pejabat dan kebenaran bekerja dari rumah bagi yang memerlukan adalah melalui kelulusan Ketua Jabatan sahaja.

Perkhidmatan kaunter juga turut beroperasi dengan kehadiran pelanggan tanpa temujanji. Bagi pengurusan mesyuarat pula akan diadakan secara *hybrid* iaitu bersemuka dan secara dalam talian dengan kehadiran bersemuka maksima 10 sehingga 15 orang sahaja tertakluk kepada kapasiti bilik mesyuarat.

Walau bagaimanapun, MBSJ amat menitik beratkan pematuhan SOP yang ditetapkan dan kakitangan telah diminta melaksanakan pembersihan sendiri di kawasan kerja mereka dengan lebih kerap. Sanitasi kawasan juga turut dilaksanakan secara berkala oleh petugas pembersihan Majlis.

- v) Beliau turut memaklumkan data berkaitan kes demam denggi di kawasan pentadbiraan MBSJ. Sehingga Minggu Epid 42 iaitu daripada 17 Oktober 2021 hingga 23 Oktober 2021, terdapat sebanyak 1,629 kes positif demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ dan tiada lokaliti hotspot denggi.

Jumlah kes demam denggi di kawasan pentadbiran MBSJ menunjukkan penurunan lebih kurang 72 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2020.

Walau bagaimanapun, masyarakat diminta memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing bebas daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan meluangkan masa 10 minit seminggu sekali untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan di dalam dan sekitar premis masing-masing.

- vi) Datuk Bandar turut berkongsi maklumat berkenaan kes covid-19. Statistik di Malaysia sehingga 23 Oktober 2021 menunjukkan terdapat sebanyak 2.4 juta kes positif Covid 19 dilaporkan dengan lebih 28 ribu kes kematian.

Data bagi kawasan Daerah Petaling melaporkan sebanyak 209,929 kes positif Covid 19 dengan sebanyak 879 kes kematian manakala di kawasan pentadbiran MBSJ pula terdapat sebanyak 72,797 kes positif Covid 19 dengan 445 kes kematian dilaporkan.

Sebanyak 258 kes positif Covid 19 telah dilaporkan di kalangan kakitangan MBSJ sehingga 23 Oktober 2021 sejak pandemik ini bermula. Bagi situasi semasa, tiada kes aktif Covid 19 dilaporkan di kalangan kakitangan MBSJ.

Sehingga kini, seramai 1,509 meliputi 99.80% kakitangan MBSJ telah menerima sekurang-kurangnya 1 dos vaksin Covid 19 manakala seramai 1,500 meliputi 99.21% kakitangan MBSJ telah lengkap menerima 2 dos vaksin Covid 19.

Walaupun telah menerima suntikan vaksin Covid 19, masyarakat diingatkan untuk terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S iaitu Sesak, Sempit, Sembang Dekat dan mengamalkan 3W iaitu *Wash* (kerap basuh tangan / guna handsanitizer), *Wear* (digalakkan memakai pelitup mulut dan hidung), *Warn* (tidak bersalaman, etika batuk / bersin, disinfeksi, periksa suhu badan).

- vii) Datuk Bandar memaklumkan berkenaan aktiviti dan insentif telah disediakan sebagai tanda penghargaan kepada pemegang taruh yang banyak memberikan sokongan dan galakan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan Majlis sempena sambutan ulang tahun yang pertama MBSJ.

Antara aktiviti dan insentif yang boleh disertai adalah seperti yang berikut :

- Pertandingan sampaikan ucapan selamat ulang tahun;

- Pengecualian caj bayar lewat cukai taksiran;
 - Rebat Fi Proses Pelan Sehingga 30% Bagi Cadangan Tambahan/Ubahsuaian dan Retrofitting Bangunan Sedia Ada Yang Mengaplikasikan Teknologi Hijau;
 - Kuiz kenali MBSJ Siri 1-3;
 - Pertandingan Fotografi dan Video Pendek;
 - Pertandingan *upcycling* Majlis Perwakilan Penduduk;
 - Pertandingan sudut / laman kitar semula JMB;
 - Forum Perdana MBSJ;
 - Pengurangan bayaran pas bulanan daripada RM159.00 kepada RM 100.00 di Kompleks Parking Bertingkat SS15, Subang Jaya;
 - Majlis Anugerah Badan Pengurusan Terbaik Komuniti Strata Bandaraya;
 - Kejohanan Bola Sepak antara Majlis Perwakilan Penduduk MBSJ;
 - Bandaraya Subang Jaya Marathon Larian Maya Subang Jaya City Marathon Virtual Run; dan
 - Pertandingan E-Sport (FIFA 2022) PS4.
- viii) Datuk Bandar juga berkongsi kecemerlangan dan mengucapkan tahniah kepada pasukan AKRAB MBSJ di atas Anugerah AKRAB Inovatif Kategori Organisasi Peringkat Kebangsaan yang dimenangi pada 26 Oktober 2021.

AKRAB MBSJ merupakan satu-satunya Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia yang berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir bagi anugerah ini dan seterusnya berjaya mengungguli Anugerah AKRAB Inovatif Peringkat Kebangsaan dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Awam yang diadakan secara dwi-tahunan.

- ix) Datuk Bandar memaklumkan bahawa bersempena sambutan Deepavali yang akan diraikan oleh kaum India pada 4 November 2021, MBSJ berbesar hati meraikannya dengan membuat penyampaian sumbangan berupa barangan makanan kepada kakitangan MBSJ yang beragama Hindu dan komuniti di kawasan pentadbiran MBSJ melalui Majlis Perwakilan Penduduk (MPP).

Setiap Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) akan menerima sebanyak 10 kotak berupa barangan makanan yang diserahkan kepada Ahli Majlis untuk diedarkan kepada golongan komuniti yang memerlukan.

Semoga sumbangan yang disalurkan akan dapat membantu meringankan beban sekaligus menyokong aspirasi MBSJ "*Leave No One Behind*".

- x) Datuk Bandar mewakili warga Majlis Bandaraya Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut Perayaan Deepavali kepada semua masyarakat beragama Hindu. Semoga perayaan cahaya ini

akan menerangi kehidupan dengan keamanan, kemakmuran, kesihatan dan kegembiraan. Raikan sambutan secara bersederhana dan patuhi SOP agar dapat mengurangkan risiko rantaian jangkitan Covid-19.

- xi) Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 10/2021

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2021 bertarikh 29 September 2021 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 10/2021

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2021 bertarikh 29 September 2021 (Rabu) disahkan dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.3 & m/s 16	Datuk Bandar	Proses Kelulusan Pelan Bangunan	Beliau meminta supaya keputusan mesyuarat dinilai semula kerana syarat tersebut merupakan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>syarat utama pengeluaran lesen perniagaan.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Majlis memutuskan supaya dilaksanakan pindaan terhadap minit mesyuarat daripada 'Jabatan juga diminta mengkaji dan menyediakan kertas kerja bagi cadangan syarat pemberian lesen perniagaan yang mewajibkan pemilik premis perniagaan memperolehi kelulusan permit atau pelan bangunan diuruskan secara berasingan di Jabatan Pelesenan dan Jabatan Bangunan.'</p> <p>Kepada 'Perkara berkaitan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>pengeluaran lesen perniagaan dan kelulusan permit atau pelan bangunan akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan kerana syarat ini merupakan syarat utama lesen perniagaan dan keperluan pihak Bomba bagi mengelakkan risiko kebakaran.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan</p>

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 16/2021 bertarikh 22 September 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 17/2021 bertarikh 7 Oktober 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 9/2021 bertarikh 12 Oktober 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.2 & m/s 2	Encik Yap Kok Weng	<p>Rayuan</p> <p>Melanjutkan Tempoh Pindah Keluar Bagi Penyewaan Di Atas Lot 2427 HSM 30246 (Lot 560) Jalan Bandar Lima Belas, Pusat Bandar Puchong</p> <p>Oleh Syarikat Megatop Audio Trading Sdn. Bhd</p>	<p>Beliau memaklumkan bahawa satu mesyuarat khas akan diadakan bagi membincangkan perkara tersebut. Oleh itu, beliau mencadangkan keputusan ini ditangguhkan untuk dibincangkan dalam mesyuarat khas.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk menangguhkan keputusan ini dan keputusan baharu akan dibawa untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan akan datang.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</p>

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2021 bertarikh 12 Oktober 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 7/2021 bertarikh 13 Oktober 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.3 & m/s 2	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	Rayuan Pengurangan Bayaran Lesen Pasar Malam	Beliau memohon supaya cadangan pengurangan lesen juga dipertimbangkan kepada Lesen Pasar Pagi. Keputusan Mesyuarat : Mesyuarat bersetuju

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				cadangan ini dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa akan datang. Tindakan : Jabatan Pelesenan

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 7/2021 bertarikh 14 Oktober 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.2 & m/s 4	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Permasalahan burung gagak yang semakin serius di kawasan komersial dan perumahan USJ	Beliau mencadangkan perkara berikut : i) Melaksanakan kajian menyeluruh bagi mengatasi masalah gagak di kawasan pentadbiran MBSJ.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			11/3, USJ 11/5, SS15 dan Lake Edge	<p>ii) Melaksanakan semula program menembak gagak secara serentak di seluruh kawasan pentadbiran MBSJ.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan meneliti cadangan tersebut.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan Kesihatan</p>
2.	Para 4.3 & m/s 4	Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Permasalahan anjing liar di Puchong yang menggunakan tanah rezab TNB	Beliau memaklumkan bahawa pihak The Mines Resort mempunyai kandang peribadi dan petugas resort yang menangkap anjing liar akan menempatkan dan menjaga anjing tersebut. Beliau mencadangkan pihak Majlis berhubung dengan pihak The Mines

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Resort sekiranya boleh bekerjasama.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum perkara tersebut dan Jabatan diminta meneliti cadangan tersebut</p> <p>Tindakan : Jabatan Kesihatan</p>
3.	Para 6.1 & m/s 8	Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Kertas makluman pengurusan sampah longgok di kawasan Perumahan USJ 1	<p>Beliau memohon untuk mendapatkan maklumat berkaitan kertas mesyuarat tersebut.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan berkaitan memberikan maklumat lanjut berkenaan pengurusan sampah longgok di kawasan Perumahan USJ 1 kepada</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</p>

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 6/2021 bertarikh 14 Oktober 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.3 & m/s 11	Encik Yap Kok Weng	Kertas Cadangan Pembaharuan Skim Kemudahan Perubatan Bagi Rawatan pesakit Luar (outpatient) Untuk Majlis Bandaraya Subang Jaya	Beliau memaklumkan kertas cadangan ini diluluskan dengan memansuhkan <i>Third Party Administrator</i> (TPA). Beliau mencadangkan supaya keputusan memansuhkan TPA diteliti kerana akan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Bagi Tahun 2022	menambahkan bebanan tugas kepada Bahagian yang mengendalikan tuntutan insuran disebabkan tugas ini di luar kepakaran mereka.
2.		Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim		Beliau mencadangkan supaya Majlis mengkaji penggunaan kad seperti yang dilaksanakan oleh Program Kad Peduli Sihat Selangor.
3.		Encik Teh Eng Teck		Beliau mencadangkan supaya Majlis mendapatkan beberapa syarikat TPA dan meneliti kemampuan syarikat tersebut. Cadangan pembayaran menggunakan kad seperti kad peduli sihat perlu dibuat kajian lanjut agar tidak mendatangkan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>masalah kepada pengguna.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan meneliti cadangan yang dikemukakan oleh ahli mesyuarat dan membuat kajian menyeluruh untuk dibincangkan dan diputuskan dalam mesyuarat akan datang.</p> <p>Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan</p>

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penanguhan telah diberikan oleh Parti Whip DAP, Encik Yap Kok Weng.

8.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.25 pagi.

Tarikh Disediakan : 29 Oktober 2021

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR DI PEJABAT

- | | | | |
|----|---|---|-------------------------|
| 1. | TPr. Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Datuk Bandar | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |

HADIR (AHLI MAJLIS) DI PEJABAT

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik M.Anbarasan A/L Murugesu | - | " |
| 3. | Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | - | " |
| 4. | Encik Thamilarusu a/l Sandayan | - | " |
| 5. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |
| 6. | Encik Teh Eng Teck | - | " |
| 7. | Puan Aniza binti Jamaludin | - | " |
| 8. | Encik Kenneth Sam A/L Samintahan | - | " |
| 9. | Encik Mohamad Kamil bin Harun | - | " |

HADIR (AHLI MAJLIS)- DALAM TALIAN DI KEDIAMAN MASING-MASING

- | | | | |
|-----|---------------------------------------|---|---|
| 1. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 2. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 3. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 4. | Encik Thomas Yew Sin | - | " |
| 5. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 6. | Puan Lee Jen Uyin | - | " |
| 7. | Puan Ng Seow Chen | - | " |
| 8. | Encik Thong Kim Fatt | - | " |
| 9. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | " |
| 10. | Encik Mohd Syafiq bin Mohamad Norizan | - | " |
| 11. | Encik Jestin Raj Savarimuthu | | |
| 12. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |
| 13. | Encik Jaafar bin Mat Akid | - | " |

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)- DALAM TALIAN DI PEJABAT
MASING-MASING**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
4. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
5. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
6. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
7. Sr. Aida binti Omar, MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
8. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
11. Encik Muhammad Azli Bin. Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N, P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam

14. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
15. Encik Farid bin Ibrahim
Pengarah, Jabatan OSC
16. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
17. Encik Afzarizal Bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
18. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
19. TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
20. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
21. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim
Arkitek Landskap, Jabatan Landskap

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Encik Muhammad Khairil bin Khalid - Ahli Majlis
2. TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
3. Ts Azura Binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
4. Puan Azlina Binti Mat Salim
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap

URUSETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan